

11/09/1998

TUDM latih juruterbang bomba

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis penyerahan dua helikopter Russia oleh Airod Sdn Bhd (Airod) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, yang akan digunakan ketika Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98).

Pada majlis itu, Airod diwakili Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Johan, manakala Dr Ting mewakili kerajaan. Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perdana Menteri kemudian menamakan dua helikopter berkenaan Pekaka dan Enggang.

Dr Ting berkata kemudian, dua helikopter MI-17 IV itu akan menjadi asas penubuhan sebuah unit udara untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat selepas dilengkapi sepenuhnya.

"Anggota bomba akan diberi latihan untuk mengguna dan menerbangkan helikopter itu dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"Proses itu berterusan sehingga apabila ia mempunyai kemahiran sepenuhnya, Jabatan Bomba akan menubuhkan unit udaranya sendiri," katanya.

Dr Ting berkata, kemungkinan untuk membeli lebih banyak pesawat atau helikopter bagi kegunaan Unit Udara itu bergantung kepada kemampuan kerajaan.

Beliau menjelaskan, helikopter itu akan digunakan untuk tujuan terhad seperti pengangkutan dan operasi menyelamatkan, sementara menunggu pemasangan peralatan tambahan untuk operasi memadam kebakaran.

"Ia akan siap dan boleh beroperasi sepenuhnya dalam masa enam bulan," katanya. Kedua-dua helikopter itu berharga kira-kira RM59 juta.

Menurutnya, helikopter terbabit juga akan menyediakan pelbagai bantuan sepanjang KL'98.

Mengenai pembabitan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Syed Hamid menjelaskan buat masa ini juruterbang TUDM akan menerbangkan dua helikopter itu dari pangkalannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) di sini.

(END)